

KHUTBAH JUMAAT

“AMAL DAN SEBARKAN HADIS NABI SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM”

(5 Jun 2026M/ 19 Zulhijjah 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الْقُرْآنَ هُدًى لِلنَّاسِ، وَجَعَلَ السُّنَّةَ
النَّبَوِيَّةَ بَيَانًا وَتَفْصِيلًا لِلْكِتَابِ الْمُبِينِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، صَاحِبُ الْخُلُقِ
الْكَرِيمِ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الَّذِينَ
حَفِظُوا السُّنَّةَ وَبَلَّغُوهَا لِلْعَالَمِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ
تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah
subhanahu wata'ala dengan melaksanakan segala yang
diperintahkan oleh-Nya dan meninggalkan segala yang dilarang-
Nya.

Berikanlah tumpuan yang sepenuhnya kepada khutbah yang
disampaikan, hindari segala bentuk perbuatan yang sia-sia, berbual-
bual dan berinteraksi dengan telefon bimbit di tangan. Mudah-
mudahan kita meraih keberkatan dan kesempurnaan pahala solat
Jumaat. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati
khutbah yang bertajuk “**Amal dan Sebarkan Hadis Nabi Sallallahu
Alaihi Wasallam**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Hadis menurut istilah majoriti ulama merujuk kepada apa yang disandarkan kepada Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* sama ada dari segi perkataan, perbuatan, perakuan, sifat jasmani dan akhlak, dan juga yang disandarkan kepada sahabat dan tabi'in.

Sesungguhnya, al-Quran dan hadis Nabi *sallallahu alaihi wasallam* merupakan panduan dan sumber rujukan utama dalam Islam. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah an-Nisa', ayat 59:

... فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ ...

Maksudnya: ... Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya ...

Berkaitan dengan hal ini juga, Imam Malik bin Anas *rahimahullah* menukilkan dalam kitabnya *al-Muwatto'* sebuah hadis yang berbunyi:

((تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ))

Maksudnya: Telah aku tinggalkan untuk kamu, dua perkara yang kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang teguh dengan keduanya; kitabullah (al-Quran) dan sunnah nabi-Nya.

Justeru, Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* amat mengambil berat agar hadis-hadisnya dipelajari, diamalkan dan disampaikan kepada orang lain. Ilmu yang benar tidak boleh

disimpan untuk diri sendiri, bahkan hendaklah disebarkan demi manfaat umat. Daripada Abu Bakrah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((... فَلْيُبَلِّغِ الشَّاهِدُ الْغَائِبَ قُرْبَ مُبَلِّغٍ أَوْعَى مِنْ سَامِعٍ ...))

Maksudnya: ... Maka hendaklah orang yang hadir menyampaikan kepada orang yang tidak hadir. Boleh jadi orang yang disampaikan kepadanya lebih memahami daripada orang yang mendengarnya secara langsung ...

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Hadis ini menunjukkan bahawa penyampaian ilmu adalah amanah yang besar. Seseorang mungkin hanya menjadi penyampai, namun melalui penyampiannya itu Allah *subhanahu wata'ala* membuka kefahaman yang lebih mendalam kepada orang lain.

Daripada Abdullah bin Mas'ud *radiallahu anhu* bahawa beliau mendengar Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((نَضَرَ اللَّهُ امْرَأً سَمِعَ مِنَّا شَيْئًا فَبَلَّغَهُ كَمَا سَمِعَ، قُرْبَ مُبَلِّغٍ أَوْعَى مِنْ سَامِعٍ))

Maksudnya: Semoga Allah menyerikan wajah seseorang (dan memasukkannya ke dalam syurga dan memperolehi nikmatnya) yang mendengar sesuatu dari kami lalu dia menyampaikannya seperti yang didengarnya. Boleh jadi orang yang menerima penyampaian itu lebih memahami daripada orang yang mendengarnya secara langsung.

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

Hadis ini mengandung doa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* kepada mereka yang memelihara dan menyampaikan hadis baginda dengan amanah dan penuh tanggungjawab. Oleh sebab itu, para sahabat *radiallahu anhum* masing-masing telah mengambil inisiatif secara bersungguh-sungguh menghafal, menulis dan meriwayatkan hadis Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dan seterusnya diikuti oleh para tabi'in.

Pada zaman Khalifah Umar bin Abdul Aziz *radiallahu anhu* (wafat 101H), usaha pembukuan hadis secara rasmi telah dimulakan bagi memastikan hadis terus terpelihara. Bermula dengan karya Imam Ibnu Syihab az-Zuhri *rahimahullah* (wafat 124H) dan seterusnya diikuti oleh para imam hadis yang lain sehingga lahirnya pelbagai karya agung yang menjadi rujukan umat Islam sepanjang zaman.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bagi memastikan ketulenan hadis Nabi *sallallahu alaihi wasallam* sentiasa terjaga, para ulama hadis telah membangunkan satu disiplin ilmu yang sangat teliti dan sistematik. Mereka menilai sanad dan matan hadis, meneliti latar belakang para perawi serta memastikan setiap hadis benar-benar dapat disandarkan kepada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*.

Hasil daripada usaha tersebut, hadis-hadis telah dikategorikan kepada beberapa peringkat seperti hadis mutawatir, hadis sahih, hadis hasan dan hadis daif. Hadis mutawatir, hadis sahih dan hadis hasan diterima oleh para ulama sebagai hujah dan dalil dalam

agama. Manakala hadis daif pula merupakan hadis yang tidak memenuhi sepenuhnya syarat-syarat hadis sahih atau hasan.

Sehubungan dengan itu, timbul persoalan iaitu, "Apakah hukum beramal dengan hadis daif?" dan "Apakah hukum menyebarkannya?" Berkaitan dengan hukum beramal dengan hadis daif, terdapat keterangan-keterangan daripada ramai ulama yang menunjukkan bahawa hukum beramal dengan hadis daif dalam *fada'il amal* (bukan berkaitan aqidah dan hukum-hakam) sebagai harus merupakan **ijmak para ulama** (kata sepakat semua ulama). Antaranya, Imam an-Nawawi *rahimahullah* (wafat 676H) dalam kitab *al-Arba'in* menegaskan :

"وَقَدْ اتَّفَقَ الْعُلَمَاءُ عَلَى جَوَازِ الْعَمَلِ بِالْحَدِيثِ الضَّعِيفِ فِي فَضَائِلِ
الْأَعْمَالِ"

Maksudnya: *Telah bersepakat para ulama bahawa harus (boleh) beramal dengan hadis daif dalam fada'il a'mal (kelebihan amalan).*

Dalam kitabnya *al-Azkar*, Imam an-Nawawi *rahimahullah* menjelaskan:

"Kata para ulama dalam kalangan ahli hadis, ahli fekah dan lain-lain bahawa harus dan mustahab (sunat) beramal dalam fada'il dan at-targhib wa at-tarhib (galakan dan peringatan akibat buruk) dengan hadis daif, selagi hadis itu tidak palsu. Manakala dalam hukum-hakam seperti halal haram, jual beli, nikah, talaq dan sebagainya, maka tidak boleh beramal padanya kecuali dengan hadis sahih atau hasan, melainkan hadis untuk ihtiyat (berhati-hati) tentang sesuatu

perkara daripadanya, seperti apabila diriwayatkan hadis daif tentang tegahan suatu jenis jual beli atau nikah, maka yang mustahab (sunat) ialah menjauhkan diri daripadanya, namun tidaklah wajib".

Imam Ibnu Hajar al-Asqalani *rahimahullah* (wafat 852H) pula meletakkan tiga syarat untuk beramal dengan hadis daif iaitu kedaifannya tidak berat, isi hadis termasuk dalam asal yang umum (dalam syarak daripada al-Quran atau hadis) dan tidak meyakini bahawa hadis itu sabit daripada Nabi *sallallahu alaihi wasallam* ketika mengamalkannya.

Berkaitan dengan **hukum meriwayatkan** dan menyebarkan hadis daif pula, Doktor Mahmud at-Tohhan *rahimahullah* dalam kitabnya *Taisir Mustalah al-Hadis* menegaskan bahawa para ulama hadis dan selain mereka menyatakan bahawa hukumnya adalah harus tanpa perlu menjelaskan kedaifannya, dengan dua syarat, iaitu hadis tersebut tidak berkaitan dengan akidah dan hukum hakam syarak yang berkait dengan halal dan haram. Ini bermakna boleh menggunakannya dalam ceramah, untuk memberi galakan atau mengingatkan akibat buruk, menceritakan kisah-kisah dan seumpamanya.

Ini menunjukkan keluasan dan kebijaksanaan para ulama dalam memelihara agama dan membimbing masyarakat kepada pelbagai amalan kebaikan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kita juga perlu membezakan antara hadis daif dan hadis mauduk

atau palsu. Hadis daif masih ada kemungkinan berasal daripada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*, namun terdapat kelemahan tertentu pada sanad mahupun matannya. Oleh itu, ia masih boleh diamalkan dan disebarkan.

Berbeza dengan hadis mauduk (palsu) yang **disepakati kepalsuannya** oleh para ulama, adalah hadis yang direka-reka dan didustakan atas nama Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Maka hukum menyebarkannya adalah haram, melainkan bagi tujuan menjelaskan kepalsuannya kepada masyarakat.

Sekiranya suatu hadis yang didakwa sebagai palsu itu tetapi para ulama **tidak sepakat** tentang kepalsuannya dan cuma al-Albani (wafat 1420H) sahaja yang mendakwanya sebagai palsu sedangkan ulama muktabar lain merumuskannya sebagai daif dan hasan, maka hadis tersebut tidaklah boleh dihukum atau dikategorikan sebagai palsu, dan boleh digunakan dalam *fada'il a'mal* (kelebihan amalan). Imam as-Sakhawi *rahimahullah* (wafat 902H) menukilkan daripada Imam Ibnu Abdil Bar *rahimahullah* (wafat 463H) katanya : "*Hadis-hadis fada'il itu padanya tidak perlu kepada seorang (perawi) yang boleh dibuat hujah dengannya*".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Di penghujung khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting:

Pertama: Al-Quran dan hadis adalah panduan dan sumber utama dalam Islam yang perlu diamal dan disampaikan kepada orang lain.

Kedua: Hadis daif adalah harus dan *mustahab* (sunat) beramal dengannya dalam perkara berkaitan *fada'il a'mal* dan *at-targhib wa at-tarhib* (galakan dan ancaman) selagi hadis itu tidak disepakati kepalsuannya.

Ketiga: Hadis yang didakwa sebagai palsu oleh sebahagian pengkaji sebagai contohnya al-Albani, sedangkan para ulama yang muktabar mengatakan sebaliknya, maka tidaklah dihukum sebagai palsu dan boleh digunakan dalam *fada'il a'mal* (kelebihan amalan).

Keempat: Berhati-hati dan elakkan daripada menyebarkan hadis palsu yang disepakati oleh ulama tentang kepalsuannya.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ali Imran, ayat 132 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ (١٣٢)

Maksudnya: *Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, supaya kamu diberi rahmat.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Teruslah istiqamah menghidupkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu. Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, agar hidup kita diberkati. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Mukminun, ayat 51:

يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا ۚ إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ

Maksudnya: *Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*

Hindarkanlah diri dan keluarga kita daripada segala perkara yang boleh memudaratkan seperti penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah,

Bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Gaza dan Asia Barat. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ampunilah segala dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada para pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أَتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.